



PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 7/1976

*Menempatkan Tuan Tanah Atau Pemohon Bagi Maksud
Menggunakan Tanah Sebelum Diukur*

Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai cara menempatkan pemilik tanah Hakmilik Sementara setelah didaftarkan surat milik tersebut.

2. Hakmilik Sementara adalah didaftarkan setelah permohonan memiliki tanah diluluskan dan tanah itu hendak digunakan sebelum diukur. Sebelumnya Kanun Tanah Negara dikuatkuasakan seorang pemohon itu boleh dibenarkan menggunakan tanah setelah permohonannya diluluskan dan semua bayaran diselesaikan dengan cara merekodkan kelulusan itu di dalam satu daftar "Approved Applications". Dalam tindakan membenarkan seorang pemohon ataupun pemilik tanah menggunakan tanah yang belum diukur maka sangatlah perlu ditunjukkan kepadanya kawasan tanah yang dimaksudkan Cara-cara atau peraturan-peraturan menempatkan pemohon ataupun tuannya tanah yang belum diukur tidak dijadikan peruntukan undang-undang ataupun peraturan-peraturan tanah kerana cara-cara peraturan-peraturan yang dimaksudkan itu sepatutnya dijadikan satu arahan pejabat. Mengenai tugas menempatkan pemohon yang telah mendapat kelulusan atau pemilik tanah yang belum diukur Pemungut Hasil Tanah sepatutnya mengarahkan Pegawai Petempatan supaya menentukan tiap-tiap pemohon atau pemilik tanah itu mengetahui sebenarnya sempadan tanah yang diluluskan atau dimiliki itu. Jika arahan yang tegas tidak diberi maka tindakan mahulah dibuat serta merta kerana mengelakkan pemohon-pemohon atau pemilik-pemilik tanah yang belum berukur memasuki atau menduduki tanah yang lebih luas daripada yang diluluskan dan menduduki kawasan salah.
3. Adalah dinasihatkan iaitu pemohon ataupun pemilik tanah yang belum diukur mahulah ditempatkan dengan mengambil tindakan-tindakan yang tersebut di bawah ini:
 - (a) Pemohon atau pemilik tanah yang belum diukur mahulah ditunjukkan sempadan tanahnya.
 - (b) Satu pengakuan penempatan menggunakan borang "Lampiran A" mahulah ditandatangani oleh pemohon ataupun pemilik tanah yang belum diukur.
 - (c) Kawasan tanah yang dimaksudkan mahulah ditanda (chart) di dalam pelan pejabat dengan serta merta.
 - (d) Borang penempatan mi hendaklah difailkan dalam fail permohonan.
4. Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dikehendaki menentukan supaya tiap-tiap pemohon atau pemilik tanah yang belum diukur, ditempatkan menurut cara-cara yang disebutkan di perenggan 3 di atas.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,
Ketua Pengarali Tanah dan Galian
Persekutuan

P.T.TM 279

Kuala Lumpur,
Julai, 1976

Pengakuan Penempatan

Bahawa saya
beralamat
pemohon/pemilik tanah yang belum diukur seluas lebih kurang.....
a.....rp di dalam mukim.....
.....daerahyang telah
diluluskan padamenurut fail Bil
mengaku bahawa sempadan tanah tersebut telah ditunjukkan kepada saya dan saya mengaku akan
menjaga tanda-tanda sempadan tanah itu.

2. Saya mengaku tidak akan menggunakan tanah lebih daripada yang diluluskan. Jika terjadi yang
demikian saya tidak akan menuntut hakmilik.

Disaksikan oleh

.....
Pegawai Penempatan

.....
*Pemohon/pemilik tanah yang
be/urn diukur*

Daerah